Dr Abd Halim yang bertugas di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, berkata beliau meletakkan keretanya berhampiran pokok rhu berkenaan kira-kira jam 6.40 pagi kerana parkir dalam dan luar hospital itu penuh.

"Saya masuk kerja jam 7 pagi. Ketika lakukan rondaan di wad kira-kira jam 9.30 pagi, jururawat datang beritahu kereta saya dihempap pokok.

Gotong-royong selamatkan bot

Di **Kuala Nerus**, sekumpulan nelayan di Kampung Kolam bergotong-royong menyelamatkan bot gantian kaca masing-masing di persisiran Pantai Mengabang Telipot bagi mengelakkan kerosakan atau dihanyutkan ombak besar.

Tinjauan mendapati lebih 20 nelayan bekerjasama mengalihkan bot gantian kaca ke kawasan yang lebih tinggi.

Rozi Husin, 48, berkata, kehadiran ribut Pabuk memburukkan lagi keadaan di kawasan pantai.

Azmi Hamid, 50, berkata, sebelum ini air pasang besar dan ribut yang berlaku secara tiba-tiba kerap menghanyutkan bot gantian kaca yang diletakkan di tepi pantai membuatkan nelayan serik dan sentiasa berwaspada.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Terengganu, Lef Kol (PA) Che Adam A Rahman berkata, amaran berjaga-jaga berikutan ribut Tropika Pabuk sudah ditamatkan jam 10 pagi semalam selepas keadaan cuaca semakin baik.

"Bagaimanapun segala aktiviti di kawasan pantai dan laut diminta ditangguhkan terlebih dahulu sehingga keadaan cuaca pulih sepenuhnya.

Di **Bachok**, kira-kira 1,200 nelayan daerah itu terpaksa 'mengikat perut' apabila sudah seminggu tidak turun ke laut akibat ancaman ribut tropika siklon Pabuk.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Bachok, Mohd Saripudin Isahak berkata, nelayan tidak keluar ke laut kerana berjaga-jaga selepas amaran dikeluarkan Jabatan Meteorologi.

Katanya, kebiasaannya, mereka mampu meraih hasil tangkapan sekitar RM2,000 ke RM3,000 seminggu.

"Nelayan terpaksa menggunakan simpanan yang mereka ada apatah lagi perbelanjaan diperlukan bagi anak-anak memasuki sesi persekolahan dan urusan harian keluarga, namun keselamatan diri harus diutamakan," katanya.

Di **Tumpat**, keadaan ombak di Pantai Geting disini masih tinggi walaupun cuaca agak baik selepas ribut tropikal Pabuk mabadi beberapa kawasan di negeri ini sejak semalam.

Tinjauan mendapati ombak masih tinggi mabadi pantai yang membahayakan untuk aktiviti laut.

LAMPIRAN 12
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 8
TARIKH: 5 JANUARI 2019 (SABTU)

MPOB terima IKM Laboratory Excellence Platinum Award

Oleh Hajar Musa

hajar@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Makmal Perkhidmatan Analitikal Oleokimia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima anugerah IKM Laboratory Excellence Platinum Award daripada Institut Kimia Malaysia (IKM) pada awal Disember lalu, di sini.

Anugerah ini adalah penghargaan kepada makmal yang berjaya mengekalkan anugerah IKM Excellence Award selama 20 tahun berturut-turut sejak tahun 1999.

Penyampaian anugerah disampaikan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Seki-

tar dan Perubahan iklim, Isnaraisah Munirah Majlis.

IKM Excellence Award adalah anugerah tahunan dan diberikan kepada makmal di Malaysia yang memberi perkhidmatan berkualiti, cekap serta mematuhi peraturan dalam menjaga aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Ikut keperluan standard MS ISO/IEC 17025:2005

Makmal berkaitan dinilai dari segi pengamalan sistem pengurusan kualiti mengikut keperluan standard MS ISO/IEC 17025:2005.

Dengan sokongan dan komitmen pihak pengurusan MPOB serta kecekapan kakitangan, Makmal

PRESENTATION OF IKM AWARDS



Pegawai Penyelidik Fadzlina Abdullah mewakili MPOB menerima anugerah IKM daripada Isnaraisah Munirah Majlis.

Perkhidmatan Analitikal ini juga pernah menerima anugerah IKM Excellence Silver Award pada tahun 2009 dan anugerah IKM Excellence Gold Award pada tahun 2013.

Perhatian terperinci dan teliti diberi terhadap penjagaan dan penyediaan sampel yang akan diuji membolehkan MPOB menerima

anugerah terbabit.

Keputusan ujian dipastikan boleh diterima pakai dalam menjamin pematuhan kepada peraturan ketat makmal berkenaan.

Berdasarkan keperluan keselamatan dan kesihatan yang digariskan oleh IKM, makmal perlu mempunyai kemudahan serta beroperasi

dengan jaminan keselamatan yang baik.

Kakitangan perlu mematuhi garis panduan keselamatan, penggunaan peralatan perlindungan keselamatan.

Penggunaan bahan kimia dan pengurusan sisa bahan kimia dapat dikelola dengan baik.

LAMPIRAN 13
BERITA HARIAN (SIHAT): MUKA SURAT 73
TARIKH: 5 JANUARI 2019 (SABTU)

Inovasi rawatan pergigian untuk pesakit kurang upaya

➔ Kaedah Stance Wheel memudahkan prosedur, beri keselesaan

Oleh Osman Lisut
manlee@bh.com.my

Aduan pesakit orang kelainan upaya (OKU) yang mendakwa kurang selesa setiap kali mendapatkan rawatan memberi inspirasi Bahagian Kesihatan Pergigian Perlis untuk mencipta sesuatu bagi menanginya.

Mendapat sokongan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) bersama Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), terhasilah Stance Wheel.

Stance Wheel, peralatan inovatif direka khas untuk pesakit berkerusi roda. Prosedur boleh dilakukan secara langsung dengan keselesaan pesakit.

Jika sebelum ini, pesakit terpaksa dipindahkan daripada kerusi roda ke kerusi rawatan pergigian yang memerlukan dua atau lebih kaki tangan untuk melakukannya, tetapi kini tidak lagi.

Kini kerusi roda akan diikat pada Stance Wheel bagi mengekalkan kedudukannya. Begitu juga pesakit dipakaikan tali pinggang keselamatan supaya ia tidak bergerak ketika



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR / BH]

Dr Boon Chye mencuba kerusi roda selepas merasmikan majlis pelancaran pengkomersialan produk inovasi Stance Wheel sambil diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chau Min.

prosedur dilakukan.

Menariknya, Stance Wheel boleh dilaraskan sehingga 45 darjah, iaitu kedudukan sebenar pesakit gigi menerima rawatan. Namun, ia boleh dicondongkan maksimum sehingga 75 darjah.

Produk diiktiraf

Stance Wheel dipatenkan sebagai peralatan kesihatan mengikut Akta Peranti Kesihatan 2012 dan diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Sirim.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata sehingga kini 10 unit Stance Wheel ditempatkan di semua klinik

pergigian di Perlis, manakala satu di Hospital Kajang.

"Inovasi ini memudahkan golongan berkerusi roda mendapatkan rawatan di klinik pergigian dan beberapa kali meraih kejayaan inovasi peringkat negeri mahupun kementerian.

"Diumumkan sebagai johan kategori Teknikal pada Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK - KKM) peringkat kebangsaan pada 2015, mewakili kementerian pada Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam peringkat Kebangsaan pada tahun yang sama.

"Projek ini juga terpilih Indikator Prestasi Petunjuk (KPI) Tahun Pengkomersialan Malaysia pada 2016. Kemuncaknya apabila perjanjian pengkomersialan dimeterai



Inovasi ini memudahkan golongan berkerusi roda mendapatkan rawatan di klinik pergigian dan beberapa kali meraih kejayaan inovasi peringkat negeri mahupun kementerian"

Lee Boon Chye,
Timbalan Menteri Kesihatan

bersama Medical Apparatus Supplies Sdn Bhd (MASSB) Jun tahun lalu," katanya.

Bagi Pengarah Urusan MASSB, Md Azar Ismail, pihaknya menyasarkan 2,000 unit Stance Wheel dikeluarkan pada 2019 untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Beliau berkata, kerjasama MASSB-KKM, membolehkan kemudahan ini ditempatkan di semua klinik pergigian kerajaan di seluruh negara, selain dihantar sampel ke persatuan pergigian bagi tujuan ujian.

"Untuk pasaran luar negara, Dubai antara yang berminat bagi mendapatkan peralatan perubahan dan kami akan ke sana tahun depan bagi memeterai perjanjian," katanya.



Fakta nombor

Stance Wheel

10 UNIT
ditempatkan klinik pergigian di Perlis, satu di Hospital Kajang

195 KILOGRAM
bebanan maksimum mampu ditampung

LAMPIRAN 14
 NEW STRAITS TIMES (NEWS/NATION): MUKA SURAT 8
 TARIKH: 5 JANUARI 2019 (SABTU)

YELLOW-STAGE WARNING

NORTHERN STATES ON ALERT

Perlis, Kedah, Penang brace for strong winds, heavy rain as tropical storm Pabuk heads for Thailand

ADIB POVERA AND BEATRICE NITA JAY
 KUALA LUMPUR
 cnews@nstp.com.my

STATES in the peninsula's northern region are bracing for strong winds and heavy rain as the tropical storm Pabuk leaves the east coast and heads towards Thailand.

The Meteorological Department director-general Alui Bahari said a yellow-stage warning had been raised for Perlis, Kedah and Penang.

He said heavy rain was expected in the three states as the storm crossed Segenting Kra to the Andaman sea.

He said a similar warning was issued for Hulu Perak, Kerian, Larut, Matang and Selama in Perak.

The yellow-stage warning was



Fishermen pushing a boat ashore in Kuala Nerus, Terengganu, yesterday. PIC BY IMRAN MAKHZAN

an indicator of heavy rains to come in one or two days.

"As the storm heads towards the Andaman sea, it will trigger heavy rainfall in states in the peninsula's northern region.

"Strong winds of more than 40kph are expected in these

states, causing damage to unstable structures, as well as triggering risks of falling trees."

The advisory was initially issued on Thursday and would be enforced until today for the affected states.

Up to 3pm yesterday, Alui said

the tropical storm was moving closer to Segenting Kra with a speed of 20kph.


"The tropical storm is 239km from Arau (Perlis) and 288km from Kota Baru (Kelantan).

"The movement of the storm is expected to trigger strong winds

of 50kph, with waves of up to 3.5m expected to hit the waters off Kelantan, Perlis, Kedah and Penang. The condition of strong winds and rough seas is dangerous to all shipping and coastal activities, including fishing, ferry services and oil rigs."

PABUK TROPICAL STORM ADVISORY

Strong winds of more than 40kph are expected in Perlis, Kedah, Penang and Perak, causing damage to unstable structures, as well as triggering risks of falling trees. The movement of the storm is expected to trigger strong winds of 50kph with waves of up to 3.5m over the waters of Kelantan, Perlis, Kedah and Penang.



Category	KPH	Height of Waves	
		Metre	Feet
First (Yellow)	40-50	2.5-3.5	8.2-11.5
Second (Orange)	50-60	3.5-4.5	11.5-15.0
Third (Red)	> 60	> 4.5	> 15.0

FIRST CATEGORY

- a. Strong winds and rough seas were expected at Samui eastern waters last night.
- b. Strong winds and rough seas are expected in Phuket, the northern side of Malacca straits, Perlis, Kedah and Penang today

SECOND CATEGORY

Strong winds and rough seas were expected at Samui eastern waters last night.

THIRD CATEGORY

Pabuk tropical storm is currently in the gulf of Thailand and will cross over the Kra Isthmus Canal. Strong winds and rough seas are expected at Samui western waters.

INFOGRAPHIC NST



LAMPIRAN 15 BERITA HARIAN (RIBUT): MUKA SURAT 12 & 13 TARIKH: 5 JANUARI 2019 (SABTU)

Nelayan di Kuala Nerus memindahkan bot tempam selamat.



(FOTO BASU, AZLI SAMAD/BB)

Ombak besar berserta angin kencang di Pantai Puteri, Tanjung Kling akibat tempas ribut tropika Pabuk yang melanda sebahagian besar Pantai Timur.



(FOTO BOZAHAN ZAKARIA/BB)



Pokok tumbang menghempap dua kereta Myvi di pantai Batu Buruk berhampiran Hospital Sultanah Nur Zahirah, di Kuala Terengganu.

Penduduk cemas amaran Pabuk

• Aktiviti pantai di lokasi tumpuan pelancong tak dibenar elak tragedi

Oleh **Pettah Wazzan Iskandar, Suzalina Halid, Fazrik Kamarudin dan Zulfitri Zulkifli**
cnews@nstp.com.my

Penduduk pulau ini cemas semalam, susulan amaran ribut tropika Pabuk yang diramal melanda kawasan itu mulai jam 2 petang. Amaran itu dikeluarkan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah, Left Kol (PA) Awang Asandar Agipuan Yaacob yang menerima laporan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Dayang Bunting bagi 970 pelancong yang sudah membuat tempahan, sehingga keadaan cuaca kembali pulih. Dilaporkan juga, seramai 186 pelancong luar negara terkandas di Koh Lipe, Thailand selepas feri yang sepatutnya membawa mereka ke Langkawi pada jam 1.30 tengah hari semalam dibatalkan susulan amaran berkenaan. Bagaimanapun, Pejabat Meteorologi Pulau Pinang petang semalam, memaklumkan ribut tropika Pabuk tidak akan membadai Pulau Langkawi secara terus, sebaliknya pulau perangnya itu hanya akan menerima kesan sampingan.

Jarak 200 kilometer Pengarahnya, Ling Ieong Kwok, berkata ini kerana kedudukan angin ribut berada pada jarak 200 kilometer (km) ke utara, sekali gus mustahil bagi ia membadai Langkawi secara terus. Sehubungan itu, beliau berkata, penduduk dan pelancong di Langkawi tidak perlu panik dengan keadaan itu, namun mereka perlu berhati-hati dengan angin kuat dan hujan, kesan daripada pinggirannya itu. "Ribut Pabuk ini sekarang berada di Laut China Selatan menyebabkan cuaca agak buruk di Pantai Timur dan ia sedang bergerak ke barat laut ke Teluk Siam dan dijangka akan melintasi Seenting Kra dan masuk ke Laut Andaman. "Jadi ia tidak akan membadai

Langkawi kerana pulau itu hanya berada di kawasan pinggirannya ribut Pabuk kerana kedudukan angin ini berada 200 km ke sebelah utara, jauh untuk ia membadai Langkawi. "Jadi penduduk dan pelancong di Langkawi perlu bertenang," katanya ketika dihubungi NSTP, di sini, semalam. Sementara itu, tinjauan di Langkawi lewat petang semalam, mendapati penduduk kembali melakukan aktiviti seperti biasa. Pengusaha bot dikenali sebagai Rani, 34, berkata dia baru selesai membawa sebuah keluarga membuat lawatan pulau selama empat jam.

Setia hadapi kemungkinan Di **Kuala Lumpur**, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam satu kenyataan berkata semua balai bomba berkaitan membuat rondaan pantai bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Katanya, semua negeri melalui Pusat Gerakan Operasi (PGO) diarahkan memantau kesiapsiagaan anggota dan aset jabatan termasuk kenderaan darat, air dan udara dan ditempatkan di kawasan strategik bagi memudahkan pergerakan apa-

bila kecemasan. "Pegawai kanan di Ibu Pejabat JBPM Putrajaya diarahkan bertugas secara standby 24 jam di Pusat Pengurusan Operasi (PPO) sejak 2 Januari sehingga esok bagi memantau keadaan semasa operasi Ribut Siklon Tropika. "Selain itu, pegawai berkenaan juga akan menguruskan bantuan kecemasan yang disebabkan anggota dan aset jabatan ke negeri-negeri yang terdampak. "Tiga negeri yang terkesan dengan ribut Siklon Tropika itu adalah Pahang, Terengganu dan Kelantan sudah mengambil tindakan seperti yang diarahkan oleh Ibu Pejabat JBPM iaitu membuat rondaan dan memberi khidmat nasihat kepada orang awam yang berada di tepi pantai tentang bahaya ribut itu," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, Ribut Tropika dijangka membadai Kelantan dan Terengganu yang akan menerima hujan lebat dan angin kencang pada kelajuan 40 kilometer sejam sehingga boleh memberi kerosakan kepada struktur bangunan terutama rumah di pesisiran pantai, risiko pokok tumbang dan banjir kilat di kawasan terdesa. Kawasan yang disenaraikan terjejas adalah Jajahan Tumpat, Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas, Machang, Tanah Merah, Kelantan dan Kuala Krai di Kelantan manakala daerah Bestari, Setia, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu dan Marang di Terengganu.



Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Langkawi membuat rondaan di sekitar Pantai Chenang.



Seorang kanak-kanak melarikan diri selepas ombak besar di Pantai Pulau Kundur, Kota Bharu, Kelantan.



Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bachok, Peralong Pengusaha Bomba, Yus Hery Muhamad memacak bendera merah sebagai amaran ribut Pabuk di Pantai Irama.

LAMPIRAN 16
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 12
TARIKH: 7 JANUARI 2019 (ISNIN)

PROGRESS

HIGH TECH AND CHOCS

Promote use of biotech as catalyst for genetic diversification



ZAKRI ABDUL HAMID

EVEN if they possess an abundance of natural resources, developing countries like Malaysia will forever play second fiddle to developed countries if they lack mastery of science and technology.

A case in point: a recent news report from the United States describing how the candy giant Mars, makers of the Snickers brand bar, M&M's and other popular chocolate products, secured the services of a biotech company to help breed a cacao tree resilient to the growing threats of climate change and disease.

It is an intriguing development well worth noting in Malaysia.

Howard Shapiro, the chief agricultural officer for Mars, was quoted as saying that 40 per cent of the world's cacao crop is lost each year to fungal, viral, and pest problems.

The biotech firm will equip the Mars' company cacao experts with software that will help tap into the cacao tree's natural genetic diversity and analyse how to rapidly find genetic lines that are more able to cope with unfavourable growing conditions.

The approach can shave years off the development process, simulating offspring and using machine learning to predict their quality. Combined with other advances like gene editing and sequencing, high technology is creating new agricultural opportunities.

Other crops hit by disease or other threats include bananas, papayas, and oranges – all grown largely in monocultures. As one

expert said: "We've got to get deliberate about tapping into that natural genetic diversity."

The article points up the need for a critical introspection in Malaysia on the use of biotech as a catalyst for much-needed genetic diversification. This has got to be one of the main missions of the Malaysian Bioeconomy Development Corporation in the era of a New Malaysia. The same goes for the Malaysian Industry-Government Group for High Technology as far as areas in high technology are concerned. It is about future-proofing the nation amid the rapid technological advances taking place around us.

In the Fourth Industrial Revolution, big data and artificial intelligence are among many technological developments that will hold sway. It is wise, therefore, to look out for these advances which may have an impact on our livelihood in the future.

We have been playing catch-up with the developed countries for far too long. We need to review our plans and reassess how we want to move forward, mobilising the myriad sources of human talent present in our multi-cultural midst and preparing our younger generation to face the challenges of the future.

There are already successful role models. Malaysians making their presence felt on the global stage include, for example, Tan Sri Lim Wee Chai, the executive chairman and founder of Top Glove Corporation Bhd, the company that controls 25 per cent of the world market for rubber gloves. He was once quoted as saying, Malaysia "must speed up a move to more value-added production".

While the country has shifted focus – from tin and rubber industries that were the bedrock of the colonial economy to the electronics factories and palm oil plantations of today – the transformation needs to go further, he says. He has also proposed building "more chocolate factories rather than more cocoa plantations". An ardent advocate of research and development (R&D), Lim employs about 120 researchers in-house, believing in the simple adage of "no research, no future".

Smaller and cheaper-cost rivals in the region, like Vietnam, are reducing the competitive advantage of Malaysian manufacturers and becoming bigger contenders for foreign investment. Our companies are still too labour intensive, productivity's low, and mechanisation rates trail Thailand and Singapore.

We need to continue the growth of investments in our educational system in science, technology, engineering and mathematics (STEM) while not neglecting the social sciences and humanities, producing more high-quality university graduates that are industry-ready, spending more on R&D, and improving our governance structure in science if we are serious about not getting stuck in the "middle income quagmire".

Malaysia doesn't grow much cocoa, but it has become the continent's No. 2 processor by grinding beans imported from Indonesia.

Malaysia has 51 chocolate manufacturers and confectioneries and 194 local chocolate producers, selling about RMI.1 billion a year. In comparison, the cocoa it cultivated last year was valued at US\$5 million when calculated using average futures prices for 2016.

In the 2018 Global Competitiveness Report released last October by the World Economic Forum, Malaysia rose one notch to the 25th spot out of 140 countries surveyed. Malaysia was one of the only three non-high-income economies featured in the Top 40. The other two were China (28th) and Thailand (38th).

As we start the new year, let us hope for Malaysia's continued progress towards advanced nation status, characterised by a workforce well-educated in the sciences and the humanities, drawing strength from our diverse ethnic composition and able to create value-added products in an increasingly competitive world economy.

The writer, a distinguished fellow of the Washington D.C.-based Global Federation of Competitiveness Council, is former director of the United Nations University's Institute of Advanced Studies in Tokyo

LAMPIRAN 17
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 20
TARIKH: 7 JANUARI 2019 (ISNIN)

Authorities must walk the talk

IN many areas in Selangor and Kuala Lumpur, big plastic bags are being used to hold twigs, leaves and other garden refuse before they are collected for disposal.

What baffles me and, I'm sure, many citizens, is the fact that these plastic bags are actually being used by contractors who have been given the task of clearing roadsides and dividers of such debris.

Every time I see these plastic bags, I wonder why they are being used when single-use plastic bags have already been banned.

I believe that it sends the wrong message to the public that it is still all right to use such plastic bags although there are various biodegradable and environmentally friendly alternatives.

The local authorities must walk the talk when dealing with single-use plastic bags. This is important since the government is working hard to educate the public and raise awareness of the danger of plastic pollution.

In May last year, Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin said it would take at least a year to educate the public before the government could introduce a nationwide ban on plastic bags.

Zuraida was quoted in the media as saying that the awareness level is still low, despite bans already being enforced in many states and territories, including Penang, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Melaka and Johor.

Penang, which was the first state in Malaysia to initiate the "No free plastic bags" campaign in July 2009, has also planned to increase the charge for each plastic bag from 20 sen to 50 sen to help encourage the public to use reusa-



ble bags. Other states like Selangor have followed suit.

The rampant use of plastic bags by landscaping and garbage collecting firms until today reflects the attitude of Malaysians who want everything to be easy instead of finding a better solution, such as using bamboo baskets that can be reused many times (apart from also being biodegradable).

In the federal government's Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030 announced in October 2018, it was revealed that Malaysia is a global player in the plastics industry with currently about 1,300 plastics manufacturers.

As at 2016, our exports amounted to RM30bil, which saw 2.26 million metric tonnes of resin utilised to produce plastics.

The roadmap also exposed that environmental problems related to plastic waste have become a major problem in Malaysia, which has been ranked as eighth among the top 10 countries with mismanaged plastic waste in the world.

A study estimated that Malaysia has produced 0.94 million tonnes of mismanaged plastic waste, of which 0.14 to 0.37 million tonnes may have been washed into the oceans.

Plastic pollution is now a global problem and must be addressed in

a sustainable manner by balancing economic growth with environmental protection, in line with the United Nation's Sustainable Development Goals, which Malaysia subscribes to.

It is important to note that more than 60 countries have already introduced some measures to curb single-use plastic waste, such as imposing bans and levies.

We must support the government's plans to address single-use plastics by encouraging the plastics industry to produce eco-friendly products. It will ensure the industry will adopt green technologies while safeguarding the environment.

The roadmap prepared by the

Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry should be used as a guide towards zero single-use plastics in Malaysia in a holistic manner.

Under the roadmap, Malaysia will eliminate single-use plastics by 2030. Although some quarters have expressed concerns that the 12-year timeline is simply too long to be effective, it actually covers all aspects, including offering suggestions to plastics manufacturers on how they can transition to alternatives and preparing them to produce more eco-friendly products.

The success of this comprehensive roadmap depends on support from all stakeholders, namely the state governments, manufacturers, suppliers, business operators, non-governmental organisations and the public.

We may reach the target earlier than 2030 if all parties play their roles responsibly. This includes discarding lackadaisical attitudes that prompt us to take the easy way out by continuing the use of single-use plastic bags.

I hope all government agencies and their contractors, at the very least, will from now on find a better alternative to single-use plastic bags. We must look for environmentally friendly products to help us achieve the target sooner than expected.

Government agencies and the local authorities must lead by example to help reduce plastic pollution including banning the use of plastic bags at all levels – including by their own contractors – and not only among shoppers.

TAN SRI LEE LAM THYE
Social activist
Kuala Lumpur

LAMPIRAN 18
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 4
TARIKH: 7 JANUARI 2019 (ISNIN)

Kastam perlu kenal pasti sisa plastik import

BUKIT MERTA JAM - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mahu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) membuat pemeriksaan lebih teliti bagi memastikan setiap kontena yang membawa sisa plastik ke dalam negara mematuhi prosedur serta peraturan baharu berkaitan sisa plastik yang ditetapkan kementerian.

Mentérinya, Zuraida Kamaruddin berkata, pihaknya akan memberikan taklimat dan meningkatkan aspek pengenalan bahan plastik kepada pihak JKDM bagi membolehkan mereka mengenal pasti sisa plastik yang diimport masuk.

“KPKT melaksanakan beberapa syarat dan peraturan baharu berhubung import sisa plastik, jadi saya mahu pihak JKDM membuat pemeriksaan lebih teliti selepas ini bagi memastikan pengimport mematuhi syarat ditetapkan.

“Macam siasatan kami dalam kes penemuan 175 kontena penuh berisi dengan bahan buangan plastik yang tidak diisytihar dan tidak mendapat permit import (AP) KPKT tersangkut di Terminal Kontena, Pelabuhan Pulau Pinang pada November lepas, yang mendapati pengimport tidak bertanggungjawab



ZURAIDA mendengar penjelasan staf mengenai sisa plastik ketika melakukan tinjauan di kilang UDA Materials Sdn. Bhd. di Bukit Mertajam semalam.

membuat deklarasi palsu berhubung bahan yang dibawa masuk bagi mengelak ditahan pihak berkuasa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membuat lawatan ke pusat pemrosesan sisa plastik di UDA Materials Sdn. Bhd. di

sini semalam.

Katanya, semua kontena yang masih belum dituntut itu kini terkandas di situ dan pihaknya mengambil tindakan menghantar semula ke negara asal.
- Bernama

LAMPIRAN 19
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 15
TARIKH: 7 JANUARI 2019 (ISNIN)

Govt looking at grading system for plastic waste industry

BUKIT MERTAJAM: The government will look into developing a grading system for facilities processing plastic waste to better regulate the industry, says Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin.

She said factories which import clean plastic and process them directly without cleaning them would be given a first-class grade.

"Under the new ruling, the factories can only import plastic waste from advanced countries such as those in Europe, from the United States, Japan and Australia.

“

The data will be collected for future development of the industry. Under the new regulation, we put a fee of RM50 per tonne.

Zuraida Kamaruddin

”

"The grading will also look into whether the factories and facilities are capable of matching their capacity," she told on Saturday.

Zuraida said the grading is meant to encourage the factories to bring in clean plastic as dirty plastic can cause environmental pollution.

She said that out of 58 companies whose approved permits were frozen last July, only eight complied with the regulations and were allowed to resume operations.

Zuraida, who earlier visited two factories in Kedah and three factories in Penang, said the ministry was looking into the industry holistically to ensure they comply with the guidelines.

"There will be more info by the factories such as where their products would be exported to and a fee to be imposed for imported plastic waste. The data will be collected for future development of the industry. Under the new regulation, we put a fee of RM50 per tonne," she said.

In July last year, the ministry revoked the permit on plastic waste imports, affecting 114 legal plastic waste factories all over Malaysia for three months up to Oct 23.

The move was made after reports of serious pollution in Kuala Langat, Selangor, which was allegedly caused by factories processing plastic waste.

LAMPIRAN 20 UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19 TARIKH: 7 JANUARI 2019 (ISNIN)

Larang guna straw demi manfaat masa hadapan

SAUDARA PENGARANG,

BULAN ini bermulalah larangan penggunaan straw plastik di semua kedai makan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Idea melarang penggunaan bahan plastik tersebut hangat diperkatakan netizen di awal pengumuman.

Ramai yang menyokong namun tidak kurang juga mencemuh dengan memuat naik pelbagai gambar dan *troll* berkenaan isu tersebut.

Biar pun isu larangan penggunaan straw plastik telah sunyi dalam kalangan orang ramai, namun perlaksanaannya tetap diteruskan di tiga kawasan tersebut.

Tiga wilayah yang disenaraikan akan menjadi kayu ukur terhadap keberkesanan dasar yang telah dilaksanakan.

Namun kerajaan tetap perlu melaksanakan kajian yang menyeluruh berkaitan larangan tersebut.

Antaranya aspek penawaran alternatif straw plastik daripada sumber tumbuhan sebagaimana yang telah dicadangkan.

Adakah pengeluarannya mencukupi untuk permintaan di dalam jangka masa panjang?

Dalam pada itu, bagi kita yang gemar menikmati hidangan di kedai, larangan penggunaan straw plastik akan terkesan di jiwa.

Mana tidaknya, penggemar minuman berair biasanya akan menyedut minuman itu menggunakan straw di dalam gelas panjang yang disediakan.

Bagaimanapun jika dilihat dari sudut sejarah, penggunaan straw pada zaman dahulu tidaklah ketara, malah mungkin tiada.

Mereka hanya meneguk air dari cawan dan gelas. Kaedahnya sungguh mudah. Besar kemungkinan mereka hanya minum minuman panas dan suam.

Dan ia pula disediakan isteri di rumah dan bukan diminum di kedai.

Namun kini, apabila berganti zaman dengan kehidupan moden, straw menjadi pilihan kerana kita berada di dalam ruang dan situasi

yang berbeza.

Kebanyakan kita menjadikan warung dan kedai mamak sebagai destinasi wajib setiap hari.

Oleh itu, kita tidak boleh elak daripada menggunakan gelas yang telah digunakan oleh pelanggan sebelumnya.

Maka meneguk air daripada gelas yang telah digunakan oleh pelanggan lain mungkin agak menjengkelkan, namun dengan adanya straw ia menjadi lebih praktikal.

Bagaimanapun, penggunaan straw plastik memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

Ini kerana straw yang telah digunakan akan bercampur bersama sisa makanan dan sampah termasuk bahan plastik yang lain apabila ia dibuang.

Sampah yang tidak diurus dengan baik dan tidak dikitar semula akan menjadi ancaman kepada alam sekitar dalam jangka masa panjang.

Walaupun straw dihasilkan daripada bahan plastik *thermo* yang mudah dicairkan dan dibentuk semula, namun adakah kita sudah bersedia dengan kaedah untuk mengitar semula penggunaan straw tersebut.

Adakah semua rakyat Malaysia boleh mengasingkan sisa-sisa pepejal di rumah sebelum membuangnya?

Malangnya ada yang masih tidak mengetahui dan tidak mengambil peduli akan isu ini.

Cadangan penggunaan straw mesra alam daripada bahan bukan plastik adalah sangat digalakkan.

Bahan boleh urai yang dihasilkan daripada tumbuhan seperti kertas, buluh dan jagung boleh dijadikan sebagai alternatif kepada straw plastik yang ada pada hari ini.

Rakyat pada amnya perlu memberi kerjasama rapat dengan mengambil tindakan progresif untuk menjaga alam sekitar bagi manfaat negara di masa hadapan.

**JULIANA MOHD. ABDUL
KADIR**

Pensyarah Ekonomi
Universiti Teknologi Mara
(UiTM), Johor

LAMPIRAN 21
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 7 JANUARI 2019 (ISNIN)

Hanya 19 mohon permit AP

Syarikat proses plastik kitar semula perlu mohon semula

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI

Hanya 19 permohonan baharu lesen import (AP) proses barangan plastik kitar semula diterima daripada keseluruhan 114 syarikat seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, lesen itu dibekukan sejak Julai 2018 dalam tempoh tiga bulan sebelum penambahan prosedur baharu dan beberapa

syarat ketat dilaksanakan.

Katanya, daripada jumlah keseluruhan pemegang AP, hanya 54 sahaja aktif memproses plastik kitar semula, namun hasil pemeriksaan mendapati hanya lapan syarikat memenuhi kriteria ditetapkan.

"Kesemua 114 pemegang lesen AP ini kena mohon semula selepas kita bekukan.

"Setakat ini ada 19 yang memohon tetapi sebelum diluluskan, saya nak tengok kalau nampak operasi bertepatan dengan apa yang kita nak, saya akan luluskan kerana tidak mahu merugikan potensi industri kitar semula plastik ini, yang mana ia memberi pulangan menguntungkan kepada negara," katanya ketika pemeriksaan mengejut di sebuah kilang memproses plastik kitar semula di Kawasan Perusahaan



Pemeriksaan mengejut dilakukan di sebuah kilang yang menjalankan kegiatan memproses plastik kitar semula.

Sungai Petani, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Ismail Mokhtar.

Zuraida berkata, Malaysia boleh menjadi pemain utama

kerana industri itu menyumbang RM30 bilion kepada pendapatan negara dan RM600 bilion di peringkat antarabangsa.

"Kalau kita buat dengan

baik, ia akan menjadi pendapatan buat negara, cuma kena buat betul-betul.

"Masyarakat perlu faham antara plastik sampah dengan plastik kualiti yang kita

